

# Dr. M lancar direktori, laman web Kelab UMNO Luar Negara

UM 210 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan direktori dan laman web rasmi Kelab UMNO Luar Negara yang menjadi saluran maklumat mengenai aktiviti kelab itu di 44 negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Sempena pelancaran itu, Presiden UMNO turut meluangkan masa berkomunikasi menerusi sidang video dengan dua wakil pelajar di Ireland dan Mesir walaupun usaha untuk berhubung dengan mereka terjejas akibat masalah teknikal.

Dalam perbualan yang terputus-putus itu, Dr. Mahathir hanya sempat mengucapkan salam dan bertanya khabar dengan dua wakil pelajar dari dua negara terbabit.

“Ada masalah teknikal. Tak boleh dapat,” kata-

nya ketika cuba berbual dengan dua wakil pelajar berkenaan.

Sementara itu, Pengerusi Sekretariat Kelab UMNO Luar Negara, Datuk Shafie Apdal berkata, laman web itu diwujudkan bagi menyediakan maklumat tepat berhubung dasar-dasar kerajaan kepada para pelajar di luar negara.

Laman web itu juga, kata beliau, bertujuan menangkis segala bentuk tohmahan parti pembangkang yang menjalankan kegiatan meracuni peminatan para pelajar di luar negara.

Sehubungan itu, menu-rut beliau, UMNO telah menubuhkan pejabat khas di tingkat lima di Ibu Pejabat UMNO bagi kemudahan ahli UMNO untuk mengadakan sidang video dengan wakil-wakil pelajar di 44 negara.

“Kita boleh berhubung secara terus dengan wakil-wakil pelajar di seluruh dunia menerusi kecanggihan teknologi ini,” katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian lama web itu.

Shafie memberitahu, masalah teknikal yang dihadapi pada pelancaran itu mungkin disebabkan beberapa wayar terputus akibat keadaan sesak.

“Kita telah melakukan percubaan sebanyak dua kali dengan para pelajar terbabit dan berjaya berhubung dengan mereka dengan begitu jelas sekali,” jelasnya.

Shafie menambah, antara negara yang mempunyai kelab UMNO termasuk United Kingdom, Ireland, Australia, Mesir, Rusia, Jepun, Korea, Amerika Syarikat dan Indonesia.